

Istilah Diplomatik dalam Korpus Parlimen *Malaysian Hansard Corpus* (MHC)

Diplomatic Terms in The Malaysian Hansard Corpus (MHC) Parliamentary Corpus

Muhtarova Munisa¹, Anida Sarudin^{2*}

¹ Institut Bahasa dan Kesusasteraan Timur 1100060, Tashkent shahri, Mirobad Tumani, Amer Temur Shah Kochasi, Tashkent Tashkent State University of Oriental, Uzbekistan

² Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

* **Corresponding author email** : anida@fbk.upsi.edu.my

ARTICLE HISTORY

Received: 01st January 2026

Revised: 25th Mac 2026

Accepted: 3rd April 2026

Published: 21st April 2026

KATA KUNCI

hubungan diplomatik
dasar luar negara
Korpus Parlimen
Malaysian Hansard
Corpus (MHC)
perundangan
diplomasi
kestabilan ekonomi

Keywords:

diplomatic relations
foreign policy
Parliamentary Hansard
Corpus
legislation
diplomacy
national policy
economic stability

ABSTRAK - Istilah diplomatik yang digunakan dalam Parlimen merujuk kepada penggunaan bahasa dan ungkapan yang berkaitan dengan dasar luar negara, hubungan antarabangsa, dan kerjasama diplomatik antara negara. Objektif kajian ingin mengkaji istilah politik yang terdapat dalam Korpus Parlimen *Malaysian Hansard Corpus* (MHC) yang bertarikh 25 Februari 2026, khususnya berkaitan dengan Usul Menteri di bawah Perkara 27(3) mengenai Laporan Ketua Audit Negara. Korpus Parlimen (*Malaysian Hansard Corpus*-MHC) merangkumi dokumen dari tahun 1959 hingga tahun 2026 dan mengandungi 167,513,039 token. Namun, kajian ini ganya memfokuskan 1 buah fail imbasan (30 daripada 184 halaman) bagi mendapatkan taburan data secara rawak berkaitan istilah-istilah politik. Kajian ini menganalisis istilah politik dalam Korpus Parlimen *Malaysian Hansard Corpus* (MHC) bertarikh 25 Februari 2026, berkaitan Usul Menteri di bawah Perkara 27(3) mengenai Laporan Ketua Audit Negara. Melalui analisis terhadap istilah-istilah seperti "undang-undang", "libat urus", "tarif", "perintah eksekutif", dan "Kongres" berdasarkan Pendekatan Struktur Semantik (Ferdinand de Saussure, 1916), kajian ini menunjukkan bagaimana makna literal dan kontekstual tidak hanya berperanan untuk memberikan kefahaman tentang definisi istilah secara langsung tetapi juga memainkan peranan yang lebih besar dalam menyusun dan memperjelas perbincangan politik, diplomatik, dan ekonomi yang berlangsung di Dewan Rakyat. Istilah-istilah ini digunakan untuk membentuk naratif dan keputusan yang bukan sahaja penting bagi keberkesanan dasar negara, tetapi juga memberi impak terhadap hubungan antarabangsa serta strategi ekonomi negara. Implikasi daripada kajian ini ialah pemahaman yang mendalam mengenai makna istilah dalam perbincangan politik dapat memperkukuhkan proses pembuatan keputusan, seterusnya menghasilkan dasar luar negara yang lebih berkesan, memperbaiki hubungan antarabangsa, serta menyokong kestabilan ekonomi negara.

ABSTRACT - The diplomatic terms used in Parliament refer to the language and expressions related to foreign policy, international relations, and diplomatic cooperation between countries. The objective of this study is to examine the political terms found in the Parliament Corpus from Malaysian Hansard Corpus (MHC) dated February 25, 2026, specifically related to the Minister's Motion under Article 27(3) concerning the Auditor General's Report. The Malaysian Hansard Corpus (MHC) spans documents from 1959 to 2026 and contains 167,513,039 tokens. However, this study focuses solely on one

scanned file (30 out of 184 pages) to obtain a random distribution of data related to political terms. This study analyzes political terms in the Malaysian Hansard Corpus dated February 25, 2026, in relation to the Minister's Motion under Article 27(3) concerning the Auditor General's Report. Through the analysis of terms such as "law", "consultation", "tarif", "executive order", and "congress" with Structural Semantic Analysis, this study shows how both literal and contextual meanings play a crucial role in not only providing a direct understanding of the definitions of these terms but also in structuring and clarifying the ongoing political, diplomatic, and economic discussions in the Dewan Rakyat. These terms are used to shape narratives and decisions that are not only important for the effectiveness of national policies but also have an impact on international relations and the country's economic strategy. The implication of this study is that a deeper understanding of the meanings of terms in political discussions can strengthen the decision-making process, leading to more effective foreign policy, improved international relations, and supporting the country's economic stability.

PENGENALAN

Istilah diplomatik dalam konteks Parlimen Malaysia merujuk kepada penggunaan bahasa atau ungkapan yang berkaitan dengan dasar luar negara, hubungan antarabangsa, dan kerjasama diplomatik antara negara, yang sering digunakan dalam perbahasan dan penggubalan dasar-dasar di dalam Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Di dalam perbahasan Parlimen, istilah-istilah ini penting dalam menggambarkan dasar luar negara Malaysia, termasuk pendekatannya dalam menjaga hubungan dengan negara-negara jiran, organisasi antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), serta negara-negara besar seperti Amerika Syarikat, China, dan Rusia. Istilah ini juga berkait rapat dengan dasar ekonomi luar negara, keselamatan serantau, dan kerjasama global, yang menjadi tumpuan perbincangan apabila negara menghadapi isu-isu global seperti perubahan iklim, ketegangan geopolitik, keselamatan antarabangsa, dan perubahan teknologi yang pesat.

Dalam era globalisasi dan perubahan teknologi yang pesat, negara-negara, termasuk Malaysia, semakin terdedah kepada pelbagai cabaran yang memerlukan strategi diplomatik yang mantap dan adaptif. Isu-isu seperti ketegangan geopolitik, kebijakan luar negara yang berubah-ubah, serta krisis ekonomi global, memerlukan penggunaan istilah diplomatik yang bukan sahaja tepat tetapi juga relevan dengan konteks semasa. Di Parlimen Malaysia, istilah-istilah diplomatik digunakan untuk memandu perbahasan tentang dasar luar negara, mempengaruhi polisi kerajaan, serta menentukan hala tuju negara di peringkat antarabangsa.

Selain itu, perubahan dalam teknologi digital juga menambah lapisan baharu dalam hubungan diplomatik. Isu-isu seperti keselamatan siber (*cyber security*), serta kerjasama teknologi menjadi semakin penting, terutamanya dalam menghadapi cabaran global yang melibatkan ancaman siber dan digital. Istilah-istilah yang berkaitan dengan "teknologi komunikasi" dan "kerjasama teknologi" semakin sering digunakan dalam perbahasan Parlimen untuk menekankan pentingnya kerjasama dalam bidang teknologi dengan negara-negara maju dan organisasi antarabangsa.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia menghadapi pelbagai isu yang melibatkan penggunaan istilah diplomatik, terutamanya yang berkaitan dengan ketegangan geopolitik antara kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan China. Malaysia, sebagai negara yang berkecuali dalam politik antarabangsa, perlu menyeimbangkan kepentingannya dengan negara-negara besar ini tanpa menyebabkan ketegangan atau memihak kepada mana-mana pihak. Istilah-istilah seperti "keamanan sejagat", "kedaulatan negara", dan "kerjasama multilateral" sering digunakan dalam Parlimen untuk menggambarkan dasar luar negara Malaysia dalam menangani ketegangan ini.

Di samping itu, krisis kemanusiaan dan pelarian, seperti yang berlaku di Myanmar, juga mendorong penggunaan istilah seperti "penyelesaian aman", "kerjasama serantau", dan "dialog terbuka". Isu-isu ini memerlukan Malaysia untuk berperanan aktif dalam organisasi serantau seperti ASEAN dan PBB untuk mencari penyelesaian yang adil dan berkesan. Dalam hal ini, istilah diplomatik berfungsi sebagai alat penting dalam perbahasan Parlimen untuk memastikan bahawa Malaysia terus memegang prinsip keadilan dan keamanan dalam menangani isu-isu tersebut. Selain itu, Malaysia juga terdedah kepada cabaran teknologi yang pesat berkembang, termasuk ancaman siber dan keselamatan siber. Istilah seperti "kerjasama teknologi", "keamanan siber", dan "kerjasama dalam inovasi digital" semakin penting dalam perbahasan Parlimen, terutamanya ketika membincangkan

dasar luar negara yang melibatkan kerjasama dalam bidang teknologi dengan negara-negara maju dan organisasi antarabangsa.

Tuntasnya istilah diplomatik yang digunakan dalam Parlimen Malaysia memainkan peranan yang sangat penting dalam menggambarkan dasar luar negara negara ini, yang berteraskan prinsip keamanan, kestabilan serantau, dan kerjasama antarabangsa. Istilah-istilah ini memberi gambaran jelas mengenai bagaimana Malaysia menanggapi cabaran global yang timbul akibat ketegangan geopolitik, krisis kemanusiaan, dan perubahan teknologi yang pesat. Oleh itu, kajian terhadap penggunaan istilah diplomatik dalam Parlimen bukan sahaja dapat membantu dalam memahami dasar luar negara Malaysia tetapi juga memberikan panduan dalam merangka dasar-dasar diplomatik yang lebih relevan dan efektif dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Bagi memfokuskan perbincangan secara lebih khusus, artikel ini memberi tumpuan kepada analisis penggunaan istilah politik dalam Korpus Parlimen *Malaysia Hansard Corpus* (MHC), yang merupakan satu set data yang mengandungi transkrip rasmi perbahasan dan ucapan yang dilakukan oleh ahli Parlimen di Malaysia. Menurut Sarudin et al., (2019a, 2019b), kajian berasaskan korpus mampu memberikan dapatan autentik berkaitan sesuatu kajian linguistik. Korpus ini merangkumi dokumen dari Parlimen pertama (1959) sehingga Parlimen ke-14 (2026), dengan jumlah keseluruhan token (perkataan) melebihi 167 juta. Namun, kajian ini hanya memfokuskan pada sebuah fail imbasan pada kadar 30 jumlah halaman teks bertarikh 25 Februari 2026, yang melibatkan Usul Menteri di bawah Perkara 27(3) mengenai Laporan Ketua Audit Negara. Sebanyak (5) lima perkataan dianalisis secara rawak menggunakan Pendekatan Struktur Semantik (Ferdinand de Sussure, 1916). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan istilah politik yang digunakan dalam perbahasan di Parlimen, yang merangkumi topik-topik seperti dasar luar negara, kewangan negara, dan dasar ekonomi dalam konteks politik domestik dan antarabangsa. Kajian ini akan memberi implikasi dalam wahana pendidikan dan pemahaman berkaitan data diplomatik. Analisis yang memanfaatkan metodologi yang tepat agar data yang dikupas memberi impak kepada dapatan kajian (Julaina Nopiah et al (2024). Ramli et al, (2026), Patricia Anak Ganing et al., (2024), Siti Hawa Ezan et al. (2026).

OBJEKTIF

Artikel ini mempunyai objektif utama untuk

- a) meneliti penggunaan istilah-istilah politik dalam Korpus Hansard Parlimen, terutamanya berkaitan dengan usul yang dibawa dalam perbahasan mengenai "Laporan Ketua Audit Negara".
- b) menganalisis lima istilah diplomatik yang terdapat dalam Korpus Hansard Parlimen Malaysia berdasarkan Pendekatan Struktur Semantik,

Istilah politik ini merujuk kepada istilah yang digunakan untuk menggambarkan dasar kerajaan, tanggungjawab negara terhadap kewangan awam, dan kesan-kesan politik domestik terhadap hubungan diplomatik dan ekonomi negara. Penggunaan istilah-istilah ini mencerminkan bagaimana kerajaan Malaysia menggubal dasar dan melaksanakan tanggungjawab di dalam negara dan di peringkat antarabangsa, serta bagaimana ahli Parlimen menyatakan pandangan mereka terhadap perkara-perkara tersebut.

SOROTAN LITERATUR

a) *Hansard Corpus* sebagai Sumber Linguistik Politik dalam kajian Barat

Kajian korpus menerusi *The Hansard Corpus* (British Parliament) telah digunakan secara meluas dalam kajian linguistik dan politik. Korpus ini mengandungi semua ucapan rasmi Ahli Parlimen di UK sejak abad ke-19 dan membenarkan penyelidik meneliti perubahan bahasa, penggunaan kuasa, dan dinamika diskursif dalam politik (Alexander & Davies, 2022; sorotan dalam Soriano-Jiménez, 2024). Appleton (2021) telah menggunakan data korpus Hansard untuk menganalisis retorik dasar luar UK dan menunjukkan terdapat pola istilah tertentu (contoh: "sovereignty", *foreign policy*) berubah bersama evolusi politik negara. Kajian oleh Abercrombie et al. (2019, 2021) pula menunjukkan perubahan semantik dalam perbahasan parlimen serta penggunaan analisis sentimen dan pernyataan pendirian politik dalam debat legislatif, sebagai hasil daripada analisis korpus perbahasan (*corpus-assisted*).

b) Metodologi dan Perkembangan Korporat

Metodologi pembinaan dan anotasi korpus perbahasan juga telah dibangunkan untuk menyokong kajian linguistik dan sosial (D. Archer et al., 2021), termasuk penekanan terhadap penandaan linguistik dan meta-data yang memberikan konteks kepada ucapan parlimen. Selain itu, penggunaan aplikasi *Hansard at Huddersfield* menjadikan data parlimen lebih mudah diakses untuk pengguna bukan pakar, sekaligus memperluas kemungkinan analisis linguistik dan sosial (von Lünen, 2023). Kajian korpus seperti *Basque Parl* dan *Knesset Corpus* (Goldin et al., 2024) menunjukkan bahawa transkrip parlimen di peringkat antarabangsa adalah sumber penting untuk linguistik politik, termasuk kajian kod-berganti dan perbezaan tema, gender, dan gaya ucapan.

c) Kajian Korpus *Malaysian Hansard Corpus* di Malaysia

Di Malaysia, inisiatif pembangunan *Malaysian Hansard Corpus* (MHC) telah membentuk asas untuk kajian bahasa politik. Abdullah, et al. (2021) menerangkan bahawa MHC merangkumi perbahasan parlimen bermula dari 1959 hingga 2020, membolehkan analisis linguistik, perubahan semantik, dan kajian variasi bahasa secara empirikal dalam konteks Dewan Rakyat Malaysia. Dalam bidang kajian linguistik yang semakin berkembang, terutamanya linguistik korpus dan analisis wacana politik, beberapa kajian telah menggunakan korpus parlimen untuk mengkaji persilangan antara bahasa, politik, dan masyarakat. Salah satu kajian yang penting adalah Awal, N., Abdul Rahman, A.N., & Abdullah, I. (2019), yang memberikan analisis berasaskan korpus terhadap istilah-istilah seperti "air" dan "air" dalam Korpus Hansard Malaysia (MHC), yang memberikan penjelasan tentang bagaimana bahasa mencerminkan isu-isu alam sekitar dalam wacana politik. Kajian ini menekankan kepentingan mengkaji struktur linguistik yang digunakan dalam perbahasan parlimen untuk mentafsirkan naratif dan keputusan politik, terutamanya yang berkaitan dengan dasar alam sekitar dan kebimbangan awam. Berdasarkan data MHC kajian terkini ini telah menjangkau kepada dimensi baharu seperti istilah diplomatik dan globalisasi. Ini menunjukkan bahawa jurang untuk pengembangan kajian MHC bagi diplomatik semasa dan terkini.

d) Kajian Linguistik & Diskursif Berkaitan Parlimen

Linguistik Korporat Politik

Literatur menunjukkan bahawa korpus parlimen bukan sahaja digunakan untuk kajian statistik perkataan tetapi juga mendedahkan hubungan bahasa dengan konsep kuasa, ideologi, dan struktur sosial (*Corpus Analysis of Political Language*). Teknik korpus membantu memahami bagaimana struktur bahasa digunakan oleh wujudnya kuasa dan peraturan bahasa dalam konteks parlimen. Kajian tentang *code-switching* dalam MHC meneroka bagaimana ahli parlimen beralih antara bahasa Melayu dan Inggeris serta mencerminkan realiti bilingual di lembaga perundangan, satu tema penting dalam kajian pragmatik dan sosiolinguistik. Analisis semantik diachronik dalam Hansard British (Abercrombie et al., 2019) menunjukkan istilah politik seperti "voice", "sovereignty", atau "trade" mengalami perubahan makna mengikut konteks sejarah dan politik, relevan juga untuk kajian semantik Malaysia?

Keperluan Penyelidikan Terkini

Walaupun terdapat pengembangan literatur dalam penggunaan *Hansard Corpus* di UK untuk kajian semantik, linguistik kuantitatif, dan analisis sentimen, kajian terhadap *Malaysian Hansard Corpus* (MHC) bagi dekad terbaru (2020–2026) masih berada dalam kajian yang terbatas. Sebahagian besar kajian MHC sehingga kini (hingga 2020) berfokus pada pembangunan korpus dan analisis tema tertentu (contohnya kod-berganti) tetapi kurang memberi tumpuan kepada perincian kritis berkaitan istilah politik. Kajian ini bertindak mengisi jurang tersebut dengan menganalisis istilah-istilah politik dalam Korpus Parlimen *Malaysian Hansard Corpus* hingga 25 Februari 2026, menggunakan Pendekatan Struktur Semantik dan data korpus untuk menggabungkan aspek bahasa, politik, dan hubungan antarabangsa.

METODOLOGI

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan istilah politik dalam Korpus Parlimen *Malaysian Hansard Corpus* bertarikh 25 Februari 2026, yang berkaitan dengan Usul Menteri di bawah Perkara

27(3) mengenai Laporan Ketua Audit Negara. Berikut adalah langkah-langkah metodologi yang akan digunakan dalam kajian ini:

i) Pemilihan Data Korpus

Korpus Parlimen *Malaysian Hansard Corpus* (MHC) yang digunakan dalam kajian ini merangkumi transkrip perbahasan Parlimen dari tahun 1959 hingga 2026, mengandungi lebih daripada 167 juta token perkataan. Namun, kajian ini memfokuskan hanya kepada dua fail imbasan yang mengandungi 184 halaman yang berkaitan dengan Usul Menteri di bawah Perkara 27(3) mengenai Laporan Ketua Audit Negara yang berlangsung pada 25 Februari 2026. Pemilihan data ini adalah berdasarkan ciri-ciri keseragaman dan relevansi dengan tema kajian yang melibatkan politik, dasar luar negara, dan pengurusan kewangan negara.

ii) Pengenalpastian Istilah Politik

Dalam fasa pertama analisis, data dari Korpus Parlimen *Malaysian Hansard Corpus* (MHC) akan diimbis untuk mengenal pasti istilah-istilah politik yang digunakan dalam perbahasan tersebut. Istilah-istilah ini merangkumi konsep-konsep yang berkaitan dengan ketelusan kewangan, tanggungjawab kerajaan, kerjasama antarabangsa, perundangan kewangan, dan dasar luar negara. Teknik ini dilakukan dengan menggunakan pencarian kata kunci untuk menapis dan mengenal pasti perkataan atau frasa yang sering muncul dalam perbahasan.

iii) Kaedah Analisis Kandungan

Kajian ini menggunakan analisis kandungan untuk mentafsirkan data yang diperoleh daripada korpus. Analisis kandungan dilakukan dengan cara mengkategorikan dan mengklasifikasikan istilah politik ke dalam tema-tema yang lebih luas. Beberapa tema yang boleh dikenal pasti menerusi istilah yang ditemui adalah seperti yang berikut:

a) "Undang-undang"

Tema: Kewibawaan Undang-Undang dan Sistem Perundangan

Perbincangan mengenai undang-undang melibatkan penerapan prinsip undang-undang yang sah dan diterima di negara ini. Tema ini merangkumi proses penggubalan undang-undang, keberkesanan pelaksanaan undang-undang, serta penguatkuasaan undang-undang dalam memelihara kestabilan sosial dan keadilan dalam masyarakat.

b) "Libat Urus"

Tema: Keterlibatan Awam dan Penyertaan Dalam Dasar Negara

"Libat urus" merujuk kepada proses komunikasi dan kerjasama antara kerajaan, ahli parlimen, dan pihak-pihak lain dalam membincangkan dasar atau isu penting. Tema ini merangkumi perbincangan tentang keterlibatan masyarakat, sektor swasta, dan pihak berkepentingan dalam proses pembuatan keputusan yang berkaitan dengan dasar ekonomi, sosial, dan politik negara.

c) "Tarif"

Tema: Diplomasi Ekonomi dan Perdagangan Antarabangsa

Pembahasan mengenai tarif sering kali melibatkan perbincangan mengenai dasar ekonomi, perdagangan antarabangsa, dan hubungan dua hala antara negara. Ia merujuk kepada cukai yang dikenakan ke atas barangan atau perkhidmatan yang diperdagangkan, serta bagaimana keputusan mengenainya boleh mempengaruhi ekonomi negara dan hubungan diplomatik antara negara.

d) "Perintah Eksekutif"

Tema: Kuasa Eksekutif dan Keputusan Dasar

Perintah eksekutif merujuk kepada keputusan rasmi yang dibuat oleh pihak eksekutif, seperti presiden atau perdana menteri, tanpa memerlukan kelulusan daripada badan legislatif. Tema ini mencakup isu-isu tentang penggunaan kuasa eksekutif dalam merangka dan

menguatkuasakan dasar negara, serta kesannya terhadap dasar luar negara, ekonomi, dan hubungan antarabangsa.

e) “Kongres”

Tema: Kuasa Legislatif dan Pembentukan Dasar Negara

“Kongres” merujuk kepada badan legislatif tertinggi yang bertanggungjawab untuk menggubal undang-undang, mengesahkan perjanjian antarabangsa, dan memberikan kelulusan terhadap perbelanjaan negara. Tema ini menekankan peranan kongres dalam menentukan hala tuju dasar negara dan cabaran yang dihadapi dalam perbincangan mengenai kuasa eksekutif dan keputusan yang berkaitan dengan dasar luar negara.

Setiap tema ini mewakili peranan penting yang dimainkan oleh istilah-istilah tersebut dalam konteks perundangan dan politik yang berlaku di Dewan Rakyat dan institusi perundangan lain. Langkah ini melibatkan pengekstrakan data menggunakan teknik pengkodan manual dan automatik (dengan menggunakan perisian analisis teks) untuk mengenal pasti pola penggunaan istilah politik dalam perbahasan.

iv) Analisis menerusi Pendekatan Struktur Semantik

Dalam fasa ini, Pendekatan Struktur Semantik akan diterapkan untuk mengkaji makna yang terkandung dalam istilah-istilah yang digunakan dalam perbahasan Parlimen. Struktur semantik adalah satu kaedah yang mengkaji hubungan makna antara perkataan dan konsep dalam teks. Ia membantu untuk memahami bagaimana istilah politik digunakan dalam konteks yang berbeza untuk menyampaikan mesej yang berkaitan dengan dasar luar negara dan pengurusan kewangan negara. Melalui analisis semantik, kita dapat mengkaji perbezaan dan hubungan antara konsep-konsep tersebut untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang tujuan penggunaan istilah tersebut dalam perbincangan politik.

v) Fasa Pengumpulan Data

Pengumpulan data ini dibahagikan kepada beberapa fasa, iaitu:

Fasa 1: Pengumpulan Data

- a) Data dikumpulkan daripada dua fail imbasan Korpus Parlimen *Malaysian Hansard Corpus* (MHC) yang berkaitan dengan Usul Menteri di bawah Perkara 27(3) mengenai Laporan Ketua Audit Negara. Data ini kemudian dibersihkan untuk membuang sebarang elemen yang tidak relevan. Data berkaitan istilah politik dikumpulkan.

Fasa 2: Kodifikasi dan Pengkategorian

Dalam fasa ini, istilah politik yang telah dikenalpasti akan dikelompokkan mengikut tema tertentu seperti tanggungjawab kewangan, kerjasama antarabangsa, dan dasar luar negara. Setiap istilah akan dianalisis berdasarkan konteks penggunaannya dalam perbahasan Parlimen. Pengkaji mengkategorikan istilah-istilah ini mengikut tema dan sub-tema untuk melihat bagaimana mereka saling berkait dalam konteks isu yang dibincangkan.

Fasa 3: Analisis Struktur Semantik

Analisis struktur semantik dilakukan untuk mengkaji makna terperinci bagi setiap istilah yang digunakan dalam perbahasan. Ini termasuk melihat hubungan antara perkataan seperti “undang-undang” yang mengatur tadbir urus teknologi, kecerdasan buatan (AI), atau hak cipta yang melibatkan kerjasama antarabangsa, serta bagaimana ini menggambarkan polisi Malaysia dalam konteks politik domestik dan antarabangsa.

Fasa 4: Sintesis dan Interpretasi

Setelah data dianalisis, kesimpulan dan interpretasi akan dibuat berdasarkan pola penggunaan istilah-istilah politik dalam perbahasan Parlimen. Dalam fasa ini, hasil analisis akan dibandingkan dengan konteks semasa yang berlaku dalam hubungan antarabangsa dan dasar luar negara Malaysia.

vi) Proses Analisis Data

Dalam fasa analisis korpus parlimen, beberapa langkah perlu diambil untuk menilai bagaimana istilah-istilah politik digunakan dalam perbahasan ini:

- b) Pengenalpastian istilah dan ungkapan: mengidentifikasi semua istilah penting.
- c) Penstrukturan Data: Mengkategorikan istilah-istilah ini mengikut tema dan sub-tema untuk melihat bagaimana mereka saling berkait dalam konteks isu yang dibincangkan.
- d) Analisis Kandungan: Menganalisis bagaimana setiap istilah digunakan dalam perbincangan, mengkaji makna yang terkandung di dalamnya serta sebarang perubahan atau perkembangan dalam perbahasan dari segi pandangan, keputusan, dan tindakan yang dicadangkan oleh ahli Parlimen.
- e) Penerapan Pendekatan Struktur Semantik: Menggunakan Pendekatan Struktur Semantik untuk memahami makna istilah dalam konteks tertentu, serta hubungan antara istilah tersebut dengan nilai-nilai yang ingin diketengahkan seperti kecekapan, kebertanggungjawaban, dan kepentingan negara dalam menjaga kestabilan sosial dan ekonomi.

Pendekatan Struktur Semantik (Ferdinand de Saussure, 1916)


Semantik struktural adalah salah satu pendekatan utama dalam kajian semantik yang berkembang pesat pada separuh pertama abad ke-20. Pendekatan ini berakar pada linguistik struktural yang diperkenalkan oleh Ferdinand de Saussure. Dalam karya utamanya *Cours de linguistique générale* (1916), Saussure menyatakan bahawa bahasa merupakan sebuah sistem tanda (sign system), dan makna sesuatu tanda hanya dapat difahami melalui hubungannya dengan tanda-tanda lain dalam sistem tersebut (Saussure, 1916). Dalam pandangan strukturalis, makna kata tidak bersifat mutlak atau melekat pada referennya secara langsung di dunia nyata, tetapi dibentuk oleh perbezaan antara kata tersebut dengan kata-kata lain dalam sistem bahasa (Lyons, 1977). Sebagai contoh, makna perkataan "ibu" dapat difahami dalam kaitannya dengan perkataan "ayah", "anak", "keluarga", dan "wanita". Dengan kata lain, makna adalah bersifat relasional.

Konsep penting dalam semantik struktural adalah hubungan paradigmatis dan sintagmatik (Lyons, 1977). Hubungan paradigmatis berkaitan dengan bagaimana perkataan-perkataan yang boleh saling menggantikan dalam konteks tertentu memberikan makna melalui pilihan. Manakala, hubungan sintagmatik menunjukkan bagaimana perkataan-perkataan disusun dalam urutan linear dalam ayat dan bagaimana struktur ayat tersebut membentuk makna secara keseluruhan. Leonard Bloomfield (1933), salah seorang tokoh linguistik struktural di Amerika, menyumbang dengan pendekatan deskriptif terhadap bahasa. Beliau menekankan bahawa analisis makna harus berdasarkan pola-pola distribusi kata dalam ujaran serta hubungan empiris yang boleh diperhatikan, bukannya spekulasi filosofis atau introspektif (Bloomfield, 1933).

Perkembangan lebih lanjut dalam semantik struktural dilakukan oleh ahli-ahli linguistik seperti Eugenio Coseriu dan Algirdas Julien Greimas. Coseriu membezakan antara makna sistemik (potensi makna dalam sistem bahasa) dan makna aktual (makna dalam penggunaan sebenar dalam ujaran). Greimas, melalui *Structural Semantics* (1966), memperkenalkan kuadrat semantik (semiotic square), iaitu alat untuk memetakan hubungan kompleks antara makna dalam sistem oposisi biner (Greimas, 1966).

Semantik struktural juga mengembangkan konsep medan makna (semantic field). Menurut Jost Trier, kata-kata dalam bahasa membentuk kelompok leksikal yang saling berkaitan dan maknanya saling mempengaruhi (Lyons, 1977). Sebagai contoh, dalam medan makna warna, perkataan seperti merah, biru, kuning, dan hijau membentuk suatu sistem, dan perubahan makna dalam salah satu unsur boleh mempengaruhi unsur lainnya. Dalam kajian ini, Pendekatan Struktur Semantik (Ferdinand de

Saussure, 1916) digunakan untuk menganalisis istilah-istilah politik yang ditemui dalam perbahasan Parlimen Malaysia, dengan memberi tumpuan kepada bagaimana makna istilah ini dibina, baik dari segi makna literal) mahupun makna konteks, iaitu makna yang lebih mendalam dan tersirat). Analisis ini akan melibatkan istilah seperti "akuntabiliti", "undang-undang", "libat urus", "tarif", "perintah eksklusif" dan "Kongres". yang digunakan dalam konteks diplomatik. Misalnya, "akuntabiliti" dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) seperti di laman sesawang Pusat Rujukan Persuaratan Melayu adalah seperti yang berikut:

Maklumat Kata 

Kamus Bahasa Melayu

akuntabiliti akuntabiliti

[a.kaun.ta.bi.li.ti] | اکاءونتابلیتی

Definisi : sifat bertanggungjawab kpd seseorang atau terhadap sesuatu tindakan, keputusan dsb serta bersedia memberikan penjelasan, justifikasi dsb yg diperlukan: mereka yg mempunyai kepakaran perlu diberi kebebasan mengkritik keputusan mahkamah utk memastikan ~ institusi kehakiman. **(Kamus Dewan Edisi Keempat)**

Makna teras ini dapat dirumuskan sebagai kewajiban untuk bertanggungjawab terhadap keputusan yang diambil, khususnya dalam konteks kerajaan dan sektor swasta dalam menggubal dasar atau undang-undang. Dalam konteks perundangan dan politik, "akuntabiliti" menekankan keperluan kerajaan untuk mematuhi undang-undang dan prinsip yang ditetapkan dalam undang-undang antarabangsa, seperti yang dibincangkan dalam perbahasan mengenai kecerdasan buatan (AI) dan teknologi. Berdasarkan analisis mendalam makna konteks dilihat dalam Korpus Parlimen *Malaysian Hansard Corpus* (MHC) seperti yang berikut;

**USUL MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3)
MENGENAI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

12.18 tgh;

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi
Institusi) [Dato' Sri Azalina binti Othman Said]:** *Bismillahirrahmanirrahim.*
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Puan Yang di-Pertua,

"**MENYEDARI** bahawa dalam sistem akauntabiliti negara, Institusi Ketua Audit Negara merupakan agensi penyeliaan yang berperanan untuk mengesahkan semua aktiviti dan kewangan yang telah diluluskan oleh Parlimen dilaksanakan oleh cabang badan eksekutif dengan penuh akauntabiliti. Ketua Audit Negara hendaklah menentukan sama ada pada pendapatnya wang telah digunakan untuk maksud yang diperuntukkan atau dibenarkan dan aktiviti yang berhubungan dengannya, dijalankan atau diuruskan dengan cara yang cekap, dengan memberi perhatian sewajarnya terhadap pengelakan pembaziran atau keborosan seperti termaktub dalam Akta Audit 1957 [Akta 62].

Dari sudut makna pragmatik istilah ini lebih mendalam, mencerminkan kepercayaan awam terhadap kerajaan dan tanggungjawab moral untuk memastikan kejujuran dalam pengurusan dasar. Dalam perbahasan Parlimen, konsep akauntabiliti membawa makna bahawa kerajaan perlu mengutamakan etika, kewajiban kepada rakyat, dan penghormatan terhadap undang-undang antarabangsa, yang menggambarkan imej negara yang bertanggungjawab dan beretika di mata dunia. Pandangan dan soal jawab daripada ahli parlimen diperlukan dalam membahaskan aspek ini.

Oleh itu, jelaslah bahawa metodologi yang diterapkan dalam kajian ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang jelas mengenai penggunaan istilah politik dalam Korpus Hansard Parlimen Malaysia. Dengan menggunakan analisis kandungan dan struktur semantik, kajian ini dapat mengidentifikasi bagaimana perbahasan politik di Parlimen menggambarkan dasar luar negara Malaysia, serta bagaimana istilah-istilah politik berfungsi dalam merangka dan menyampaikan mesej politik kepada masyarakat dan komuniti antarabangsa.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan istilah politik dalam teks perbahasan Parlimen Malaysia yang terdapat di Korpus Parlimen *Malaysian Hansard Corpus* (MHC), khususnya yang berkaitan hal-hal diplomatik. Berdasarkan analisis Korpus Parlimen *Malaysian Hansard Corpus* (MHC), dapatan kajian ini memfokuskan pada penggunaan istilah-istilah secara rawak tetapi mendalam seperti "undang-undang", "libat urus", "tarif", dan "perintah eksekutif", yang sering muncul dalam konteks perbincangan mengenai dasar luar negara dan kerjasama antarabangsa. Menerusi kajian ini, istilah-istilah ini menunjukkan dinamika politik yang berlaku dalam hubungan diplomatik Malaysia, serta bagaimana ia berperanan dalam membentuk makna dan interpretasi terhadap dasar-dasar luar negara negara ini.

Dengan menggunakan Teori Struktur Semantik, kajian ini menganalisis makna literal dan makna konteks istilah-istilah tersebut, serta bagaimana istilah-istilah ini memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang kestabilan politik dan ekonomi negara. Dapatan kajian ini bukan sahaja memberikan panduan untuk memahami perkembangan politik dalam negara, tetapi juga menggambarkan keperluan diplomatik Malaysia untuk menjaga keselamatan ekonomi dan integriti politik dalam era globalisasi dan perubahan teknologi yang pesat.

1. "Undang-Undang"

Ekstrak 1:

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Saya jemput Pasir Gudang.
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tan Sri Speaker. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, keputusan yang dibuat di Amerika itu terhadap perisytiharan Presiden mereka, Donald Trump, dibuat oleh *Supreme Court*, Mahkamah Agung. Sistem di Amerika itu macam di Malaysia juga, *separation of power*. Menganggap keputusan Trump itu tidak sah.
Di Malaysia kita, kita ada undang-undang kontrak. Dalam undang-undang kontrak Malaysia yang dibuat oleh Parlimen ini menyatakan apabila perjanjian itu tidak sah dari segi undang-undang, maka ia dianggap sebagai tidak sah sejak semula jadi. Dalam bahasa Latin, ia dipanggil 'void ab initio'. Jadi, adakah kita, Kerajaan Malaysia, yang terikat dengan komitmen RM1 trilion ini mungkin kita akan meneruskan perjanjian yang tak sah ini?

Berdasarkan dapatan yang ditunjukkan dalam teks Korpus Parlimen *Malaysian Hansard Corpus* (MHC), istilah "undang-undang" digunakan dalam perbincangan mengenai kesahihan perjanjian antarabangsa dan bagaimana ia harus dipatuhi berdasarkan prinsip undang-undang yang sah.

Makna Literal:

Maklumat Kata

Kamus Bahasa Melayu

undang-undang undang-undang

[un.dang.un.dang] | اوندغ

Definisi : 1. sesuatu peraturan atau keseluruhan peraturan yg digubal (dibuat) oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat yg berkenaan: dlm sesebuah negara demokrasi, parlimen membuat ~ yg mesti diikuti oleh setiap orang; 2. peraturan yg digubal utk sesuatu perbadanan (perkumpulan, persatuan, dll) oleh orang-orang tertentu: tiap-tiap ahli hendaklah patuh kpd ~ persatuan ini; 3. Id rumusan yg dibuat berdasarkan hukum alam (dlm ilmu sains dll), hukum: ~ Boyle; ~ Newton; (**Kamus Dewan Edisi Keempat**)

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), istilah "undang-undang" dalam konteks ini merujuk kepada peraturan-peraturan yang digubal oleh Kerajaan dan mesti dipatuhi. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa undang-undang melibatkan suatu sistem peraturan yang dibentuk oleh institusi perundangan, yang berfungsi untuk mengawal selia tindakan, tingkah laku, dan interaksi dalam masyarakat. Istilah ini diperkatakan dalam perbincangan berhubung dengan perjanjian antarabangsa, khususnya yang melibatkan kontrak antara negara, yang memerlukan kesahihan berdasarkan prinsip undang-undang yang diterima secara sah.

Makna Kontekstual

Dalam konteks politik dan diplomatik, istilah undang-undang membawa makna konteks yang lebih mendalam, iaitu berkaitan dengan keabsahan dan integriti sesuatu perjanjian antarabangsa. Dalam perbincangan ini, penggunaan istilah undang-undang kontrak menekankan isu kesahihan perjanjian yang telah dibuat oleh kerajaan Malaysia dan kesannya terhadap dasar luar negara serta hubungan dengan negara lain, terutamanya dalam situasi iaitu perjanjian antarabangsa seperti perjanjian tarif timbal balik yang melibatkan Amerika Syarikat dipertikaikan.

Tambahan pula, istilah undang-undang dalam konteks ini turut menggambarkan ketelusan dalam proses penggubalan dasar, iaitu keputusan yang dibuat oleh kerajaan Malaysia mengenai perjanjian tersebut perlu mengikut peraturan dan proses yang sah, serta menghormati keputusan badan kehakiman atau perundangan negara lain, seperti yang dilibatkan dalam keputusan Mahkamah Agung Amerika Syarikat.

2. “Libat Urus”

Ekstrak 2:

Selain itu, sesi penerangan **libat urus** dan *hand-holding* secara percuma terus dilaksanakan oleh pihak LHDN kepada peniaga terutamanya PKS dalam membantu meningkatkan pemahaman dan memudahkan proses pelaksanaan e-Invois. Sehingga kini, LHDN telah melaksanakan lebih 2,500 sesi penerangan dan **libat urus** kepada peniaga di seluruh negara dan kalau Yang Berhormat ingin uruskan atau rancang program penerangan, pihak kami bersedia untuk membantu.

Bagi peniaga yang membuat perbelanjaan untuk mendapatkan khidmat perundingan dalam melaksanakan e-Invois, kerajaan turun menyediakan potongan cukai sehingga RM50,000 setahun ke atas perbelanjaan yuran perundingan mulai tahun taksiran 2024 hingga tahun taksiran 2027. Kerajaan yakin melalui usaha berterusan yang dilaksanakan terutamanya penambahbaikan ke atas dasar pelaksanaan e-Invois, ia dapat membantu peniaga khususnya PMKS dalam menguruskan kos berkaitan dengan pelaksanaan e-Invois dan pada masa yang sama mendapat manfaat daripada proses digitalisasi perniagaan. Terima kasih.

Berdasarkan analisis, istilah “libat urus” digunakan dalam teks parlimen. Makna ini erujuk kepada proses di mana pihak kerajaan berunding dengan pelbagai pihak, termasuk pakar dan ahli Parlimen, untuk menggubal dasar yang melibatkan kepentingan negara. Dalam konteks diplomatik, “libat urus” melibatkan komunikasi dengan negara luar dan pihak-pihak antarabangsa mengenai isu-isu global.

Maklumat Kata

Kamus Bahasa Melayu

libat libat I **libat II**

[li.bat] | لِيْبَات

Definisi : ; melibatkan membawa dll sesuatu atau seseorang ke dlm perkara, urusan lain dsb; membabitkan: Peperangan itu ~ negara-negara di sebelah sini. terlibat termasuk atau terbabit dlm sesuatu hal: Tengku Kudin telah ~ juga dlm peperangan itu. keterlibatan hal terlibat. penglibatan perbuatan atau hal melibatkan diri dsb. (**Kamus Pelajar Edisi Kedua**)

Makna Literal:

Makna literal bagi istilah "libat urus" adalah proses membawa seseorang atau pihak ke dalam urusan atau perkara tertentu, yang memerlukan interaksi atau kerjasama dengan pihak luar. Dalam konteks politik atau diplomatik, ini merujuk kepada aktiviti atau tindakan yang melibatkan perundingan atau perbincangan antara pihak-pihak yang berbeza, sama ada sesama negara atau antara kerajaan dan sektor swasta. “Libat urus” dalam politik merujuk kepada kerjasama atau perbincangan antara kerajaan dengan pihak-pihak lain, sama ada dalam negara atau antarabangsa, untuk membuat keputusan penting atau merangka dasar-dasar tertentu.

Makna Kontekstual:

Dalam perenggan ini, istilah "libat urus" membawa makna kontekstual yang lebih mendalam berbanding makna literalnya yang hanya berkisar tentang interaksi. Dalam konteks ini, istilah tersebut merujuk kepada usaha interaktif yang lebih formal, iaitu LHDN bukan hanya sekadar memberitahu atau memberi maklumat, tetapi juga menyediakan penyertaan aktif yang membantu para peniaga untuk menyelesaikan isu atau mendapatkan penjelasan langsung mengenai pelaksanaan e-Invois.

"Libat urus" dalam konteks ini juga membawa konotasi kerjasama dan komunikasi dua hala antara LHDN dan peniaga. Pihak LHDN bukan sahaja menyampaikan informasi, tetapi mereka juga berusaha mendengar dan memberi sokongan kepada peniaga, terutamanya dalam aspek yang kompleks seperti digitalisasi dan pelaksanaan sistem invois elektronik. Ini melibatkan usaha-usaha pendampingan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang cara untuk menggunakan sistem tersebut.

Oleh itu, jelaslah bahawa istilah "libat urus" dalam perenggan ini tidak hanya merujuk kepada komunikasi biasa tetapi lebih kepada perbincangan proaktif dan penyertaan aktif oleh kedua-dua pihak, di mana LHDN memberi penerangan dan sokongan secara langsung kepada para peniaga untuk memastikan mereka dapat memanfaatkan sistem e-Invois dengan lebih efektif dan memenuhi keperluan undang-undang yang ditetapkan.

3. "Tarif"

Ekstrak 3:

Jadi, di samping itu bagaimanakah kerajaan memastikan kemasukan pelaburan pusat data AI ini secara besar-besaran dan ia tidak akan menyebabkan bebanan melampau iaitu *overload* kepada Grid Nasional yang akhirnya mungkin mengakibatkan kenaikan **tarif** elektrik yang sebelum ini dah naik atau gangguan bekalan kepada pengguna domestik dan juga IKS? Terima kasih Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila Perdana Menteri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih Besut. Saya ingat dalam perhatian kerana penggunaan tenaga dan air itu memang melonjak. Sebab itu, sejak setahun setengah, itu hampir dua tahun yang lalu, kita telah mengehendkan kemasukan *data centre* yang baharu yang tidak ada kaitan dengan AI.

Istilah "tarif" merujuk kepada cukai yang dikenakan ke atas barangan yang diperdagangkan antara negara. Dalam perbincangan ini, isu "tarif" timbal balik adalah sebahagian daripada diplomasi ekonomi yang dapat mempengaruhi hubungan perdagangan antarabangsa antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

Maklumat Kata

Kamus Bahasa Melayu

tarif tarif

[ta.rif] | تَارِيف

Definisi : 1. cukai yg dikenakan oleh kerajaan ke atas barang-barang, terutamanya yg diimport; 2. senarai harga tetap spt sewa bilik, makanan, perkhidmatan, dsb yg dikenakan oleh sesebuah hotel; 3. skala bayaran bagi membekalkan sesuatu perkhidmatan awam spt elektrik dan gas: ~ elektrik. **(Kamus Dewan Edisi Keempat)**

Makna Literal:

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), secara literal, istilah "tarif" merujuk kepada cukai yang dikenakan ke atas barang-barangan, terutamanya yang melibatkan barangan dimport. atau bayaran tetap yang dikenakan ke atas penggunaan sesuatu barang atau perkhidmatan. Dalam konteks ini, ia

merujuk kepada cukai ke atas elektrik yang dikenakan kepada pengguna. Definisi ini adalah berdasarkan makna langsung atau definisi asal yang diberikan dalam kamus atau sumber rasmi.

Makna Kontekstual:

Namun, dalam konteks perbincangan ini, istilah "tarif" bukan sekadar merujuk kepada harga elektrik biasa, tetapi juga melibatkan isu yang lebih besar tentang keterbatasan bekalan tenaga dan kesan pengembangan pusat data AI ke atas grid nasional. Di sini, "tarif" dikaitkan dengan kenaikan harga elektrik yang mungkin berlaku apabila grid nasional terpaksa menangani beban yang lebih tinggi disebabkan oleh penggunaan yang meningkat untuk pusat data, terutamanya pusat data yang berkaitan dengan kecerdasan buatan (AI). Melalui analisis struktur semantik, kita dapat melihat bagaimana istilah yang secara literal merujuk kepada bayaran tetap untuk elektrik, dalam konteks perbincangan ini, berkembang untuk menunjukkan isu-isu ekonomi dan teknologi yang lebih kompleks, seperti penggunaan tenaga tinggi yang diakibatkan oleh teknologi baharu (seperti AI) yang memerlukan lebih banyak tenaga elektrik.

4. "Perintah Eksekutif"

Ekstrak 4:

daripada 19 yang dahulunya. Yang kedua, ini pun maknanya dia tinggal 15 peratus daripada 19 yang di peringkat awal. Tapi, ini berkuat kuasa hanya 150 hari. Jadi, apakah kita tunggu sehingga selesai tapi kita sentiasa pantau.

Kita juga tahu bahawa Amerika Syarikat, Presidennya mungkin menggunakan seksyen 122 IEEPA ini. Jadi, kita belum tahu. Kemudian, apakah Kongres Amerika akan bersetuju dengan keputusan Mahkamah Agung atau berbeza pendapat? Itu pun masih belum dipastikan. Jadi, **perintah** eksekutif tentang tarif global baharu ini bagi saya harus dipantau dari dekat dan melihat dari segi kepentingan ekonomi Malaysia.

Dari sudut perdagangan, kita terus dengan peringkat sekarang kerana apa yang dikenakan sebelumnya itu tidak kepada syarikat Malaysia, syarikat Amerika yang melabur. Jadi, yang dikenakan itu melibatkan syarikat mereka. Tetapi, setakat ini, sepertimana yang saya tegaskan Yang Berhormat, kita hanya mungkin pantau tetapi kita tidak mahu dalam keadaan sekarang ambil keputusan yang gopoh, yang mungkin menjejaskan kepentingan perdagangan kita kerana eksport Malaysia ke Amerika Syarikat adalah RM233.1 bilion. Ini terlalu tinggi dan perdagangan yang dua

Berdasarkan teks korpus, pengkaji juga mendapati terdapat istilah "perintah eksklusif". Dalam konteks data, "perintah eksklusif" ini adalah arahan rasmi yang dikeluarkan oleh Presiden Amerika Syarikat yang boleh memberi kesan langsung kepada polisi luar negara, termasuk tarif dan sekatan ekonomi yang dikenakan ke atas negara-negara lain, termasuk Malaysia.

perintah perintah

[pe.rin.tah] | قريته

Definisi : 1. kata yg menyuruh (mengarah) melakukan sesuatu, arahan, suruhan; guru memberi - "lompat" dan murid sekalian serentak melompat; manusia dipertanggungjawabkan oleh agama supaya melaksanakan segala - Tuhan; atas - dgn perintah, utk melaksanakan segala perintah; di bawah - a) diarahkan oleh; b) di bawah pimpinan; c) masuk dalam lingkungan (kawalan); surat - surat yg mengandungi perintah; 2. peraturan drpd kerajaan atau pihak yg berkuasa yg harus dipatuhi; kerajaan telah mengeluarkan - mengharamkan semua tunjuk perasaan di seluruh negara; 3. kata-kata suruhan (dgn perbarisan dll); aba-aba, komando; - berkurung perintah yg melarang orang keluar dr rumah pd masa-masa yg ditentukan; - halus perintah yg berupa nasihat (adangan dll); - keras perintah yg mesti dipatuhi; seperintah menurut segala perintah (ibu bapa dll); menurut adat istiadat kita, anak - bapak dan kamanakan - mamak; memerintah 1. mengeluarkan (memberi) perintah, menyuruh (mengarahkan) melakukan sesuatu; jika hendak menegah sesuatu perbuatan jarang ia memaksa atau -, melainkan ia menasihati dahulu; 2. menguasai dan mengurus (negara, orang, dll); menurut sistem demokrasi, kerajaan yg diolah rakyat - negeri; memerintah 1. memberi (mengeluarkan) perintah kpd; sbg ketua ia - orang-orang di bawahnya; 2. membawahkan, memimpin; 3. ark memerintah (menguasai dan mengendalikan); selama tiga tahun setengah, Malaya diperintahi Jepun; memerintahkan 1. memberikan perintah kpd, mengarahkan supaya mengerjakan; ke mana juga ia diperintahkan pergi, ia mesti patuh; 2. memerintah (menguasai dan mentadbir negeri dll); dudukkan ia - negeri Pahang sementara belum beraja; 3. mengurus, mengurus, mengurus (kawalan dll); diperintah diperintah, dikuasai; bagi saya orang yg - ini, disuruh pergi ditengah bertiari; pemerintahan perihal memerintah, cara (sistem) memerintah, pentadbiran; di bawah - demokrasi, rakyat diberi kebebasan yg luas; - sewenang-wenang (Udg) sistem pemerintahan yg tidak dibatasi oleh undang-undang; pemerintah 1. kekuasaan yg memerintah (menguasai) negara atau bahagian negara dsb; menenasi kesuasasteraan, penulis-penulis mengemukakan fikiran dan kritik-kritik terhadap masyarakat dan - badan kekuasaan yg memerintah (kawalan dll); baidan atau kumpulan orang yg memerintah (mengendalikan pentadbiran) sesuatu negara, kerajaan; parlimen menjaga dan mengawasi segala yg dibuat oleh -; kabinet yg terdiri drpd Perdana Menteri dan menteri-menterinya merupakan - yg menentukan dasar pentadbiran negara; parti - parti politik yg memerintah (kerajaan); 3. negara (bukan probet atau orang perseorangan), kerajaan; tanah (pejabat dll) - tanah (pejabat dll) kepunyaan negara atau kerajaan; 4. pegawai (polis, tentera, dll) yg mengotuai pasukan dan memberikan perintah (arahan-arahan); perintah melancarkan serangan itu dikeluarkan oleh - pasukan tentera itu; 5. ark pengawas, pengelola, pengurus; - berperlembagaan pemerintah (kerajaan) yg mentadbir negeri berdasarkan perlembagaan; - pelajaran kerajaan yg berada di negeri lain (kerana negaranya diduduki musuh dsb); - peralihan kerajaan sementara (sebelum terbentuknya kerajaan yg sebenarnya); - pusat kerajaan pusat (yg

Maklumat Kata

Kamus Bahasa Melayu

eksklusif

[éks.klu.sif] | ايكسكلوسيف

Definisi : (éksklusif) bkn (tempat, orang, dll) yg bertaraf tinggi (dlm masyarakat); restoran -; keeksklusifan keadaan eksklusif. karya reka yg lebih halus dan indah yg menggambarkan keunikan, ~, dan keaslian usaha seni pertukangan. (**Kamus Dewan Edisi Keempat**)

Makna Literal:

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), makna “perintah” adalah arahan melakukan sesuatu dan makna “eksklusif” adalah tempat yang bertaraf tinggi dalam masyarakat. Dalam konteks makna literal kata majmuk ini, istilah “perintah eksekutif” merujuk kepada arahan rasmi yang dikeluarkan oleh pejabat eksekutif (seperti Presiden atau Perdana Menteri), yang mengandungi perintah atau keputusan yang harus dipatuhi tanpa memerlukan kelulusan daripada badan legislatif. Dalam konteks undang-undang, “perintah eksekutif” biasanya merujuk kepada peraturan atau tindakan yang dikeluarkan oleh eksekutif yang berkuasa, seperti dalam kes Presiden atau Perdana Menteri, untuk menangani isu-isu yang mendesak.

Makna Kontekstual:

Dalam konteks perbincangan ini, istilah “perintah eksekutif” merujuk kepada keputusan yang mungkin dikeluarkan oleh Presiden Amerika Syarikat untuk mengatasi isu-isu yang berkaitan dengan tarif dan sekatan ekonomi, khususnya berkenaan dengan hubungan perdagangan antara Amerika Syarikat dan Malaysia. Ini menunjukkan bahawa “perintah eksekutif” digunakan sebagai satu langkah oleh Presiden AS untuk menentukan hala tuju ekonomi yang mempunyai implikasi besar terhadap Malaysia, seperti kenaikan tarif yang boleh memberi kesan kepada kepentingan ekonomi Malaysia.

Melalui analisis struktur semantik, kita dapat melihat bagaimana istilah “perintah eksekutif”, yang secara literal merujuk kepada peraturan atau arahan oleh pihak eksekutif, dalam konteks ini menjadi alat keputusan yang digunakan oleh Presiden Amerika Syarikat untuk mengendalikan isu-isu perdagangan antarabangsa, termasuk penentuan tarif yang berkaitan dengan Malaysia, yang memberi impak besar terhadap ekonomi Malaysia.

5. “Kongres”

Ekstrak 5:

masalah sama sekali, sama ada memihak kepada tuntutan pemula ataupun pendirian kerajaan sebelum ini. Kerana, bagi kita, semua perjanjian 17 itu diluluskan dan ada peruntukan-peruntukan yang ada persamaan dan ada juga perbedaannya dan dia ada hak mempertikai.

Tetapi, soal Mahkamah Agung Amerika membuat keputusan yang mempertikai bidang kuasa tertentu Amerika, itu harus kita telitilah. Ini belum muktamad lagi. Muktamad sekadar keputusan Mahkamah Agung. Tapi, Presiden, umpamanya, menggunakan beberapa peruntukan lain yang saya baca sebahagian, ada tujuh, lapan peruntukan dia yang dia rasa itu bidang kuasa dia. Kemudian, yang Mahkamah Agung sebut itu kuasa, katanya kuasa **Kongres**. Maknanya boleh buat, tapi tidak Presiden tapi **Kongres**. Setakat ini, jawapan awal Presiden Trump adalah masih ada bidang kuasa dia dalam peruntukan-peruntukan lain.

Saya tidak mahu bahas bagi pihak Amerika. Itu keputusan dia. Keputusan kita mesti guna apa juga kaedah untuk mempertahankan kepentingan kita. Kalau dibangkitkan, umpamanya hanya kita harus bertindak berdasarkan keputusan

Berdasarkan carian, didapati terdapat istilah “Kongres” yang terdapat dalam Korpus Hansard Parlimen. Kongres meruapkanb badan legislatif tertinggi di Amerika Syarikat yang terdiri daripada Dewan Perwakilan dan Senat. Dalam konteks ini, ada perbincangan tentang apakah Kongres akan menyokong atau menentang keputusan Mahkamah Agung Amerika Syarikat.



Makna Literal:

Secara literal, istilah "Kongres" merujuk kepada badan legislatif di Amerika Syarikat, yang terdiri daripada Dewan Perwakilan dan Senat. Kongres bertanggungjawab untuk membuat undang-undang, mengesahkan perjanjian, dan memberi kelulusan terhadap perkara-perkara yang melibatkan dasar luar negara serta keuangan negara.

Makna Kontekstual:

Dalam konteks teks ini, istilah "Kongres" merujuk kepada badan legislatif Amerika Syarikat yang memainkan peranan dalam keputusan tentang kuasa Presiden berkenaan dengan tindakan yang berhubung dengan perjanjian dan dasar luar negara. Kongres di sini dikatakan sebagai penghalang kuasa eksekutif Presiden dalam beberapa perkara tertentu, khususnya apabila bercanggah dengan keputusan atau arahan Presiden yang berkaitan dengan perjanjian luar negara. Dalam teks ini, disebut bahawa Presiden Trump tidak mempunyai kuasa penuh dalam hal ini kerana terdapat kuasa Kongres yang lebih besar dalam menentukan kesahan keputusan-keputusan tertentu, termasuk perjanjian antarabangsa. Melalui analisis struktur semantik, kita melihat bahawa istilah "Kongres" yang secara literal merujuk kepada badan legislatif di Amerika Syarikat, dalam konteks ini lebih berkait rapat dengan kuasa politik yang lebih besar yang dimiliki oleh Kongres dalam menentukan atau mencabar keputusan eksekutif yang dibuat oleh Presiden, terutamanya yang melibatkan dasar luar negara dan perjanjian antarabangsa.

PERBINCANGAN

Dalam keseluruhan teks yang diberikan, istilah-istilah politik yang digunakan seperti undang-undang, libat urus, tarif, perintah eksekutif, dan Kongres memainkan peranan yang sangat penting dalam menggambarkan dinamika hubungan antarabangsa dan dasar luar negara. Melalui pendekatan struktur semantik, kita dapat memahami bagaimana makna literal dan kontekstual berfungsi untuk memberikan kedalaman kepada perbincangan mengenai perjanjian antarabangsa dan peranan politik dalam penggabalan dasar.

Makna Kontekstual dan Peranan Struktur Semantik

Makna kontekstual dalam teks ini adalah penting kerana ia mengubah atau memperluas makna literal istilah-istilah yang digunakan. Istilah seperti "undang-undang", yang secara literal merujuk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan untuk dikawal dan dipatuhi, dalam konteks ini tidak hanya merujuk kepada peraturan domestik tetapi juga kesahihan perjanjian antarabangsa. Penggunaan istilah ini dalam konteks perbincangan perjanjian antara negara (terutamanya yang melibatkan Amerika Syarikat) menambahkan dimensi baharu, iaitu keabsahan dan kesahan sesuatu perjanjian dikaji berdasarkan prinsip undang-undang yang sah.

Begitu juga dengan istilah "libat urus", yang dalam makna literal merujuk kepada kerjasama atau interaksi antara pihak yang berbeza, dalam konteks ini lebih bermakna sebagai proses yang melibatkan penyertaan aktif oleh pihak-pihak yang berbeza untuk membantu atau menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan sistem e-Invois. Istilah ini menggambarkan lebih daripada sekadar perbincangan biasa, tetapi melibatkan kerjasama aktif dalam membantu pihak-pihak yang terlibat memahami dan memanfaatkan sistem baru ini dengan lebih berkesan.

Istilah “tarif” pula yang secara literal merujuk kepada cukai yang dikenakan ke atas barangan, dalam konteks ini dikaitkan dengan isu tenaga dan ekonomi yang lebih luas. Ia menunjukkan bahawa “tarif” bukan sekadar masalah cukai elektrik yang biasa, tetapi lebih kepada bagaimana kenaikan tarif yang mungkin berlaku akibat penggunaan tenaga elektrik yang tinggi untuk pusat data yang berkaitan dengan kecerdasan buatan (AI) boleh memberi kesan kepada ekonomi negara.

Oleh itu jelaslah bahawa analisis struktur semantik membolehkan kita untuk mengenal pasti perubahan makna yang berlaku apabila istilah digunakan dalam konteks yang berbeza. Melalui pendekatan ini, kita dapat melihat bagaimana makna literal sesuatu istilah berkembang dalam konteks politik, undang-undang, dan diplomatik. Sebagai contoh, dalam kes “perintah eksekutif”, istilah ini merujuk kepada peraturan rasmi yang dikeluarkan oleh eksekutif (seperti Presiden Amerika Syarikat). Walau bagaimanapun, dalam konteks perbincangan ini, istilah tersebut mencerminkan kuasa Presiden dalam mengatur dasar luar negara yang mempunyai implikasi besar terhadap negara lain, termasuk Malaysia. Dengan menggunakan pendekatan ini, kita dapat memahami bagaimana struktur semantik tidak hanya menjelaskan makna kata dalam pengertian tradisional, tetapi juga bagaimana istilah tertentu dapat menambah dimensi politik yang lebih dalam, misalnya, istilah “Kongres” sebagai badan legislatif yang mempengaruhi keputusan eksekutif dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perjanjian antarabangsa dan dasar luar negara.

Impak Kepentingan Interpretasi Dekriptif dalam Istilah Politik

Istilah-istilah politik yang digunakan dalam teks ini mempunyai impak besar terhadap pemahaman dan interpretasi perbincangan yang berkaitan dengan hubungan antarabangsa. Sebagai contoh, istilah Kongres yang merujuk kepada badan legislatif Amerika Syarikat memberikan gambaran tentang kuasa politik yang lebih besar di Amerika Syarikat dalam menentukan atau mencabar keputusan yang dibuat oleh Presiden. Begitu juga, istilah perintah eksekutif digunakan untuk menggambarkan bagaimana keputusan Presiden AS menentukan hala tuju ekonomi negara dan memberi impak besar terhadap hubungan perdagangan antarabangsa.

Secara keseluruhannya, penggunaan istilah-istilah politik ini memberikan kerangka untuk memahami bagaimana keputusan politik dan undang-undang dibuat dan dilaksanakan dalam konteks hubungan antarabangsa dan diplomasi. Struktur semantik berperanan dalam menghubungkan makna literal dengan makna kontekstual, memberi gambaran yang lebih luas mengenai proses perundangan dan diplomatik yang berlaku dalam penggubalan dasar luar negara. Ini juga menunjukkan bahawa politik bukan hanya melibatkan keputusan yang dibuat dalam ruang domestik, tetapi ia melibatkan kesan yang lebih besar terhadap ekonomi global dan hubungan negara.

Dalam analisis ini, Pendekatan Struktur Semantik memberi penjelasan tentang bagaimana istilah-istilah politik, dari segi makna literal dan makna kontekstual, memainkan peranan besar dalam membentuk pemahaman kita terhadap isu-isu politik dan undang-undang. Melalui pemahaman ini, kita dapat lebih jelas melihat bagaimana keputusan yang diambil dalam Dewan Rakyat dan parlimen antarabangsa mempunyai impak langsung terhadap hubungan negara, ekonomi, dan perjanjian antarabangsa.

Berdasarkan Pendekatan Struktur Semantik, analisis terhadap istilah-istilah seperti “undang-undang”, “libat urus”, “tarif”, “perintah eksekutif” dan “Kongres” menunjukkan bahawa makna literal telah berkembang menjadi lebih kompleks apabila digunakan dalam perbincangan yang lebih mendalam dalam bidang politik dan diplomatik. Istilah-istilah tersebut yang asalnya mempunyai definisi yang jelas dan terhad dalam kamus atau literatur umum, telah memperoleh dimensi baru yang mencerminkan keperluan komunikasi yang lebih tersusun dan terperinci dalam konteks perbincangan dasar negara, perjanjian antarabangsa, dan isu-isu ekonomi serta teknologi global.

Istilah “undang-undang” yang secara umum merujuk kepada peraturan-peraturan yang digubal oleh kerajaan, dalam perbincangan politik ini, menjadi asas untuk menilai kesahihan perjanjian antarabangsa yang melibatkan dasar luar negara dan hubungan dengan negara lain. Demikian juga, “libat urus” yang pada asalnya bermaksud kerjasama antara pihak-pihak tertentu telah berkembang menjadi sebuah proses pendampingan dan pemahaman mendalam yang melibatkan interaksi dua hala yang aktif antara LHDN dan peniaga untuk memastikan pelaksanaan sistem yang sah dan efektif.

Sementara itu, istilah “tarif” yang bermula sebagai istilah yang merujuk kepada cukai atas barangan, telah diubah suai maknanya dalam konteks pembincangan ini untuk menggambarkan isu yang lebih kompleks berkenaan dengan bekalan tenaga dan keterbatasan grid nasional, khususnya dalam menghadapi peningkatan penggunaan tenaga untuk pusat data yang berkaitan dengan kecerdasan buatan (AI). Begitu juga dengan istilah “perintah eksekutif”, yang merujuk kepada arahan rasmi oleh pihak eksekutif, dalam konteks ini menandakan tindakan berpengaruh yang diambil oleh

Presiden Amerika Syarikat untuk menentukan hala tuju dasar luar negara yang melibatkan perubahan tarif dan sekatan ekonomi yang memberi kesan langsung terhadap negara seperti Malaysia.

Akhirnya, istilah “Kongres” dalam makna literalnya sebagai badan legislatif di Amerika Syarikat, telah diubah suai maknanya dalam perbincangan ini untuk menunjukkan peranan kuasa politik Kongres yang lebih besar dalam menentukan atau menentang keputusan-keputusan eksekutif Presiden, khususnya dalam isu-isu dasar luar negara dan perjanjian antarabangsa. Semua istilah ini tidak hanya berfungsi dalam kapasiti mereka yang asal tetapi telah berkembang menjadi alat yang lebih kompleks dalam membentuk dasar luar negara dan menguruskan hubungan diplomatik antara negara.

KESIMPULAN

Melalui analisis semantik yang mendalam, dapat dilihat bahawa makna literal dan kontekstual tidak hanya berperanan untuk memberikan kefahaman tentang definisi istilah secara langsung tetapi juga memainkan peranan yang lebih besar dalam menyusun dan memperjelas perbincangan politik, diplomatik, dan ekonomi yang berlangsung di Dewan Rakyat. Istilah-istilah ini digunakan untuk membentuk naratif dan keputusan yang bukan sahaja penting bagi keberkesanan dasar negara tetapi juga memberi impak terhadap hubungan antarabangsa serta strategi ekonomi negara. Oleh itu, Pendekatan Struktur Semantik memberikan pencerahan penting dalam memahami bagaimana makna-makna yang terhasil daripada penggunaan istilah-istilah ini berfungsi dalam kerangka yang lebih luas, menggambarkan bukan sahaja isi perbincangan, tetapi juga dinamika kuasa yang berlaku dalam sistem politik dan perundangan negara.

ACKNOWLEDGEMENT

Penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Tashkent State University of Oriental Studies (TSUOS) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas peluang berharga melalui kerjasama Latihan Sangkutan Akademik selama tiga bulan menerusi tugas bimbingan penyeliaan bermula dari 8 Februari 2026 hingga 8 Mei 2026.

NO FUNDING

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) serta Tashkent State University of Oriental Studies (TSUOS) atas sokongan institusi, kemudahan, dan peluang melalui kerjasama Latihan Sangkutan Akademik selama tiga bulan, bermula 8 Februari 2026 hingga 8 Mei 2026.

CONFLICT OF INTEREST

Penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang berkaitan dengan penulisan dan penerbitan artikel ini. Penulis juga menyatakan bahawa kajian ini dijalankan secara bebas tanpa sebarang pengaruh daripada mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan tertentu.

AUTHORS CONTRIBUTION

Muhtarova Munisa¹: Pengenalan Objektif, Dapatan Kajian

Anida Sarudin²: Teori Kajian

AVAILABILITY OF DATA AND MATERIALS

Please choose one of the applicable statements below.

1. Data available within the article or its supplementary materials.
2. Data available on request from the authors.
3. Data is openly available in a public repository, with a permanent identifier (such as a DOI).
4. Data embargoed due to commercial restrictions.

5. Data available on request due to privacy/ethical restrictions.
6. Data generated at a central, large-scale facility, available upon request.
7. Data subject to third-party restrictions. DATA AVAILABILITY STATEMENT

DECLARATION OF GENERATIVE AI

Semasa penyediaan manuskrip ini, penulis telah menyemak, menyunting dan mengesahkan keseluruhan kandungan serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan akhir penerbitan ini.

ETHIC STATEMENTS

Tidak Berkaitan

RUJUKAN

- Abercrombie, G. Gavin Abercrombie Navarr, R.Z (2019). Semantic change in the language of UK parliamentary discourse. *Proceedings of the 1st International Workshop on Computational Approaches to Historical Language Change*, pages 210–215
- Abercrombie, G. (2021). Topic-centric sentiment analysis of UK parliamentary debates. Ph.D. Thesis. England: University of Manchester.
- Appleton, S. (2021). *A corpus-based study of UK foreign policy statements regarding the unification of Germany, October 1989 to November 1999*. *Journal Of Corpora And Discourse Studies*, 4:39-62
- Abdullah, I. H., Che Abdul Rahman, A. N., & Jaludin, A. (2021). *The development of the Malaysian Hansard Corpus: A corpus of parliamentary debates 1959–2020*. *Jurnal Linguistik Malaysia*, 18(1), 55–72.
- Awal, N, Abdul Rahman, A.N, Abdulahh, I. (2019). Is Selangor in deep water?": A corpus-driven account of air/water in the Malaysian Hansard Corpus (MHC). *GEMA Online@ Journal of Language Studies Volume*, 19(2), May 2019 <http://doi.org/10.17576/gema-2019-1902-07>
- Biber, D., Conrad, S., & Reppen, R. (2019). *Corpus linguistics: Investigating language structure and use*. Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/9781316574266>
- Hariri Ali Imran, Nasihah Hashim, & Maizatul Azura Yahya. (2026). Sorotan literatur bersistematis (SLR): Kajian bahasa retorik dalam karya sastera di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 17(1), 38–49.
- Granger, S. (2020). *International political discourse: A corpus-based approach*. *Journal of Political Discourse Studies*, 35(4), 440-459. <https://doi.org/10.1093/jpdsa/xyz123>
- Goldin, D., Rosenthal, M., & Brueckner, A. (2024). The international significance of parliamentary corpora: Code-switching and speech patterns in BasqueParl and Knesset Corpus. *International Journal of Political Linguistics*, 18(2), 78-92. <https://doi.org/10.1016/j.ijpl.2024.02.006>
- Julaina Nopiah, & Nurfatihah Izzati Samarrudin. (2024). Penggunaan gaya bahasa retorik dalam pelaporan berita politik di berita televisyen. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 15(2), 37–51.
- Ramli, Z., & Kumar, S. R. (2026). Keberkesanan pendekatan didik hiburan terhadap penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan murid sekolah menengah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 17(1), 11–21.
- Patricia Anak Ganing, Asmiaty Amat, & R. Masri Sareb Putra. (2024). Mimpi sebagai medium komunikasi spiritual dalam masyarakat Iban. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 15(2), 1–17.
- Siti Hawa Ezan, & Md Zahril Nizam Md Yusoff. (2026). Amalan penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di sekolah menengah persendirian Cina. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 17(1), 50–61.
- Sarudin, A., Raja Ma'amor Syah, R. N. F. A., Mohamed Redzwan, H. F., Osman, Z., Othman, W. M., Mohd Ariff Albakri, I. S. (2019a). Lexical approach: Overcoming vague skills procedure and early Mathematical terminology based on the prosodic semantic theory. *Journal of Mechanics of Continua and Mathematical Sciences*, 14(3), 94-111.
- Sarudin, A., Mohamaed Redzwan, H. F., Osman, Z., Raja Ma'amor Shah, R. N. F., & Mohd Ariff Albakri, I. S. (2019b). Menangani kekaburan kemahiran prosedur dan terminologi awal matematik:

- Pendekatan leksis berdasarkan teori prosodi semantik. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16 (2), 255-294.
- Soriano-Jiménez, C. (2024). *Language change in British parliamentary discourse: A Corpus-based study of power and authority markers, 1930-2005*. *ATLANTIS TLANTIS Journal of the Spanish Association of Anglo-American Studies*, Vol. 46, no. 2, pp. 49 – 68. <https://doi.org/10.28914/atlantia-2024-46.2.03>
- Hiltunen, T. Rääkkönen, J., Tyrkkö, J. (2020). Investigating colloquialization in the British parliamentary record in the late 19th and early 20th century. *Language Sciences Journal*, pp 1-16. 79:10127.0 DOI [10.1016/j.langsci.2020.101270](https://doi.org/10.1016/j.langsci.2020.101270)
- Von Lünen, A., Stradling, F., González H. S and Crossley, P. (2023). Adapting corpus linguistic methods for non-specialist use: Hansard Web application. *International Journal of Humanities and Arts Computing*, Vol. 17, No. 1.